

# Dana Saringan COVID-19 (CTF) RM8 Juta

## Soalan Lazim Berkenaan Dana Saringan Covid-19 (CTF) Untuk Pesakit Yang Memerlukan Pembedahan

### 1. Apakah itu Dana Saringan COVID-19 (CTF) yang ditubuhkan oleh industri insurans dan takaful?

CTF ialah satu dana bernilai RM8 juta yang ditubuhkan oleh industri insurans dan takaful bagi menyokong usaha Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam mengendalikan lebih banyak ujian saringan COVID-19.

Dana ini akan menyalurkan pembayaran balik tunai tetap sehingga RM300 untuk kos ujian saringan COVID-19, bagi individu yang dilindungi di bawah polisi insurans/ sijil takaful perubatan individu atau kelompok.

### 2. Siapakah yang layak untuk membuat tuntutan dari dana CTF?

CTF hanya boleh diguna pakai bagi pemegang polisi insurans dan sijil takaful yang telah dirujuk oleh doktor yang berdaftar untuk ujian saringan COVID-19 di makmal swasta yang diperakui/diiktiraf dan disenaraikan di laman sesawang COVID-19 KKM.

Polisi insurans / sijil takaful anda mestilah masih berkuatkuasa pada 27 Mac 2020 dan pada masa ujian saringan COVID-19 dilakukan.

### 3. Adakah saya layak untuk membuat tuntutan dari dana CTF jika saya dinasihati untuk menjalani pembedahan? Apakah definisi bagi pembedahan kecemasan dan separa kecemasan?

CTF akan merangkumi Ujian Saringan COVID-19 yang dilakukan ketika pembedahan kecemasan dan separa kecemasan. Definisi untuk kes-kes kecemasan dan separa kecemasan yang layak adalah berdasarkan Indeks Keterukan Kecemasan dari Agensi untuk Penyelidikan dan Kualiti Penjagaan Kesihatan (agensi di bawah Jabatan Kesihatan dan Perkhidmatan Manusia Amerika Syarikat):

- Kecemasan bermaksud situasi di mana pesakit memerlukan campur tangan segera untuk menyelamatkan nyawa.
- Separa Kecemasan bermaksud pesakit berisiko tinggi yang keadaannya mudah merosot atau yang mempunyai gejala keadaan yang memerlukan rawatan dalam tempoh tertentu.

### 4. Adakah saya layak untuk membuat tuntutan CTF jika saya di nasihatkan untuk dimasukkan ke hospital untuk rawatan yang tidak memerlukan pembedahan?

Anda tidak layak untuk membuat tuntutan dari Dana COVID-19 jika kemasukkan anda ke hospital tidak memerlukan anda untuk menjalani pembedahan Kecemasan atau Separa Kecemasan. Anda juga tidak layak untuk membuat tuntutan dari Dana COVID-19 jika anda menjalani Pembedahan Elektif.



**5. Jika saya mempunyai kad perubatan , adakah kos untuk ujian saringan COVID19 akan ditanggung dengan menggunakan Surat Jaminan?**

Anda perlu membayar kos ujian saringan COVID-19 dan kemudiannya membuat tuntutan bayaran balik. Kos ini tidak ditanggung dengan menggunakan Surat Jaminan.

**6. Bagaimanakah untuk saya membuat tuntutan kos ujian saringan COVID -19 dan apakah prosedurnya?**

Anda perlu membuat permohonan tuntutan bayaran balik sebanyak RM300 (atau mengikut kos sebenar ujian, yang mana lebih rendah) melalui portal CTF di [www.MyCTF.my](http://www.MyCTF.my) dan Anda perlu memuat naik Borang Tuntutan, salinan hadapan dan belakang MyKad / Pasport dan Resit Pembayaran Ujian COVID-19 anda.

**Dana CTF akan menanggung kos ujian saringan COVID-19 untuk pembedahan Kecemasan dan Separa Kecemasan yang dijalankan dari 27 Mac 2020 sehingga 31 Disember 2020 (atau lebih awal dari 31 Disember 2020 jika dana telah digunakan sepenuhnya).**

**7. Adakah saya layak untuk membuat tuntutan dari CTF jika ujian saringan COVID19 saya adalah negatif?**

Ya, anda layak membuat tuntutan dari CTF tanpa mengambil kira keputusan ujian saringan.

**8. Adakah ini akan mengurangkan had manfaat polisi / sijil saya jika saya membuat tuntutan?**

Tidak. Had polisi / sijil tidak akan berkurang jika anda membuat tuntutan ini.

**9. Bagaimana untuk saya tahu jika tuntutan saya berjaya dan siapa yang akan memaklumkan tentang status permohonan saya?**

Anda boleh menyemak status tuntutan anda dalam masa 14 hari bekerja selepas menghantar tuntutan. Syarikat insurans atau pengendali Takaful akan memaklumkan tentang status permohonan anda. Jika tuntutan anda berjaya, anda akan menerima wang tuntutan dalam masa 14 hari bekerja dari tarikh pengemukaan tuntutan dengan dokumen yang lengkap.

**10. Adakah saya boleh membuat rayuan jika tuntutan pulangan balik saya ditolak?**

Tidak. Setiap keputusan adalah muktamad dan rayuan lanjut tidak akan diterima.

**11. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai CTF?**

Maklumat lanjut boleh didapati di portal CTF di laman web [www.MyCTF.my](http://www.MyCTF.my) dan nombor hotline di **15500 / 1-300-22-11-88**.

